

HALA TUJU KPDN 2025

4 ANJAKAN  
FOKUS 2.0

K

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

KETANGKASAN  
PENGUATKUASAAN

PEMACU EKONOMI  
DOMESTIK

D

DAYA UPAYA DAN  
ADVOKASI  
KEPENGUNAAN

N

NACCOL  
(Pendekatan Whole Of Nation)

4.



K

KETERANGKUMAN  
KERAJAAN &  
KECEMERLANGAN  
ORGANISASI

I

ILTIZAM  
INDUSTRI

T

TEKAD  
TATAKELOLA

A

ASPIRASI DAN  
PARTISIPASI AWAM

# KPDN KITA FOKUS HALA TUJU 2025



JANUARI - FEBRUARI  
2025

Buletin  
**KPDS**  
EDISI 1

# KANDUNGAN

JANUARI – FEBRUARI 2025



**6** PROGRAM PEMUKIMAN STRATEGIK  
(RETREAT) HALA TUJU DAN FOKUS  
KPDN TAHUN 2025

**8** KERAJAAN & INDUSTRI PERKUKUH  
KERJASAMA BAGI MELINDUNGİ  
HAK CIPTA DI ERA DIGITAL

**10** SESI AMANAT BERSAMA KSU KPDN  
MELALUI BENGKEL STRATEGI  
KOMUNIKASI PROGRAM  
KEPENGUNAAN TAHUN 2025



**11** PERASMIAN PENUTUP PROGRAM  
USAHAWAN MUDA TAHUN 2024  
PERINGKAT KEBANGSAAN

**12** SIMPOSIUM UNDANG-UNDANG  
PERSAINGAN ANJURAN MYCC  
FOKUS DALAMI ISU KRITIKAL

**14** MAJLIS PERUTUSAN HALA TUJU  
KPDN TAHUN 2025

**16** KPDN LAKSANA TIGA INISIATIF  
RAKYAT SEMPENA TAHUN BARU  
CINA 2025

**20** MESYUARAT DUA HALA ANTARA  
MALAYSIA - REPUBLIK TURKIYE

**24** JUALAN RAHMAH MADANI MEGA  
DAN KEMBALI KE SEKOLAH

# KANDUNGAN

JANUARI - FEBRUARI 2025



**26** TURUN PADANG YB MENTERI PDN  
SEMPENA PJRM KEMBALI KE  
SEKOLAH

LAWATAN YB TIMBALAN MENTERI  
PDN KE NEGERI SABAH

**28** LAWATAN KERJA YBHG. DATO' SERI  
KSU KE KPDN NEGERI PAHANG

**29** MESYUARAT JAWATANKUASA  
PENSTABILAN HARGA DI SABAH,  
SARAWAK & W.P. LABUAN

**30** PROGRAM JUALAN RAHMAH  
MADANI PARLIMEN PUTRAJAYA

**31** KPDN ANJUR JELAJAH  
PEMANTAPAN PENGISIAN PORTAL  
IHSAN MADANI PERINGKAT NEGERI

**34** KAMI BERTINDAK!

**36** SOROTAN LENSA KPDN





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

KITA

G·E·M·P·U·R  
GERAKAN MEMBANTERAS MANIPULASI DAN KETIRISAN

#KPDN

Jika anda mendapati sebarang kesalahan berkaitan

KETIRISAN

PENYELEWENGAN

PENYELUDUPAN

Barang Kawalan/Barang Kawalan Bersubsidi

MANIPULASI

PENIPUAN

KARTEL

Aktiviti Perniagaan

Laporkan ke saluran aduan berikut

SALURAN ADUAN



+6019-848 8000



03-8882 6088 / 03-8882 6245



[www.mycc.gov.my/bm/e-aduan](http://www.mycc.gov.my/bm/e-aduan)

IMBAS SAYA





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# 11 SYARIKAT MINYAK SERTAI AKU JANJI KITA GEMPUR


Bantu Kerajaan perangi ketirisan dan manipulasi barang kawalan berdasarkan petroleum seperti RON95, Diesel & LPG (Gas Petroleum Cecair)



## PROGRAM PEMUKIMAN STRATEGIK (RETREAT) HALA TUJU DAN FOKUS KPDN TAHUN 2025

Program Pemukiman Strategik (RETREAT) Hala Tuju dan Fokus KPdn Tahun 2025 bersama barisan pengurusan tertinggi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPdn) telah dilaksanakan pada 12 Januari 2025 bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Melalui hasil intipati pemukiman, kementerian akan terus merangka pelbagai inisiatif dan program bersandarkan kefungsianya daripada aspek ketangkasan penguatkuasaan, pemacu ekonomi domestik, daya upaya dan advokasi kepenggunaan dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bersandarkan pendekatan strategi KITA iaitu komitmen kerajaan, iltizam industri, tekad tatakelola yang baik dan partisipasi awam.



Sesi dimulakan pada 10 Januari 2025 lalu dengan ucapan amanat daripada YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri PDN dan disudahi dengan ucapan majlis penutup yang telah disampaikan oleh YB. Senator Dr. Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri PDN.

Keseluruhan pendekatan ini dirangkumkan dalam kesemua aspek bagi memastikan impak program yang berkesan demi manfaat rakyat dan negara. Moga segala usaha dan perancangan tahun 2025 ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang untuk mencapai matlamat yang disasarkan.



## SOROTAN LENSA SEKITAR PROGRAM PEMUKIMAN STRATEGIK (RETREAT) HALA TUJU DAN FOKUS KPDN TAHUN 2025



## KERAJAAN DAN INDUSTRI PERKUKUH KERJASAMA BAGI MELINDUNGI HAK CIPTA DI ERA DIGITAL

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) terus memperkuuh usaha perlindungan hak cipta di Malaysia melalui kerjasama strategik bersama semua pemegang taruh termasuk pemain industri dalam menghadapi cabaran susulan era perkembangan pesat dunia digital.

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah menyampaikan ucaptama pada sesi Libat Urus Perlindungan Harta Intelek Digital anjuran bersama ASTRO Malaysia Holdings (ASTRO) dan KPDN bertempat di menara MyIPO, Petaling Jaya pada 14 Januari 2025 yang lalu.

Dalam ucapannya, beliau telah memaklumkan bahawa KPDN melalui MyIPO telah bertindak mengambil langkah-langkah yang lebih tegas untuk menghalang penyebaran kandungan cetak rompak yang memberi impak dan implikasi buruk kepada pencipta karya dan ekonomi digital negara, termasuk penguatkuasaan pindaan dalam Akta Hak Cipta 1987.



**“Lebih **3,600** laman sesawang sebar cetak rompak disekat”**

> YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak



## SESI AMANAT BERSAMA KSU KPDN MELALUI BENGKEL STRATEGI KOMUNIKASI PROGRAM KEPENGUNAAN TAHUN 2025

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) telah menyampaikan amanat dan hasrat beliau dalam penjajaran strategi kepenggunaan di Bengkel Strategi Komunikasi Program Kepenggunaan Tahun 2025 pada 15 Januari 2025 yang lalu bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Seperti sedia maklum, KPDN memfokuskan terhadap pendayaupayaan pengguna selaras dengan 4 pilar utama KPDN melalui Ketangkasan Penguatkuasaan, Pemacu Ekonomi Domestik, Daya Upaya dan Advokasi Kepenggunaan dan National Action Council of Cost Living-Pendekatan Whole of Nation.



Kegagalan dalam penyampaian pendidikan kepenggunaan kepada masyarakat akan memberi impak terhadap tahap pengetahuan masyarakat tentang hak-hak pengguna dalam undang-undang dan saluran serta platform yang boleh digunakan oleh mereka sekiranya berlaku ketirisan dalam urusan jual beli.



KPDN akan terus memperkasa dasar kepenggunaan agar ia dapat memberi kesedaran serta memberi impak dan signifikan terhadap pengguna.



## MAJLIS PENUTUP PROGRAM USAHAWAN MUDA TAHUN 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN

Majlis Perasmian Penutup Program Usahawan Muda Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak pada 16 Januari 2025 bertempat di Dewan Agung, Tuanku Canselor, UITM Shah Alam.

Program anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang julung kali diadakan ini melibatkan lebih 3,000 pelajar daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/ IPTS), Government Linked Universities (GLU), Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Objektif penganjuran ini adalah untuk memahirkan peserta dengan spek perniagaan melalui penerapan nilai-nilai perniagaan yang lebih komprehensif dan praktikal serta menyemai minat dalam diri pelajar selari dengan usaha melahirkan usahawan-usahawan muda yang mampu berdaya saing dalam pasaran domestik mahupun antarabangsa.



# MyCC COMPETITION LAW SYMPOSIUM: BEHIND CLOSED DOORS: THE HIDDEN DRIVERS OF MARKET DISTORTION




SIMPOSIUM UNDANG-UNDANG PERSAINGAN ANJURAN MYCC  
FOKUS DALAMI ISU KRITIKAL

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Agensi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengadakan Simposium Undang-Undang Persaingan bertajuk "Behind Closed Doors: The Hidden Drivers of Market Distortion" pada 16 Januari 2025 bertempat di Hotel Sheraton, Kuala Lumpur.

Simposium ini bertujuan untuk mendalami isu-isu kritikal terkait persaingan seperti tipuan bida dalam perolehan awam, kenaikan harga makanan, isu terhadap rejim kawalan penggabungan dan dominasi pemain-pemain ekonomi digital.

Sebagai badan bebas yang telah ditubuhkan pada tahun 2011, MyCC terus giat menjalankan kefungsian utamanya untuk melindungi proses persaingan bagi kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi dengan menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta Anti Persaingan 2010. Ini termasuklah membanteras amalan anti persaingan seperti kartel dan monopoli bermasalah yang menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup rakyat.





KEMENTERIAN PERdagangan DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

Selamat  
**HARI RADIO  
SEDUNIA**

13 FEBRUARI 2025



**“RADIO DAN  
PERUBAHAN  
IKLIM”**

*Ikhlas Daripada*  
Pengurusan Tertinggi &  
Seluruh Warga Kerja KPDN

# HALA TUJU KPDN 2025



## MAJLIS PERUTUSAN HALA TUJU KPDN TAHUN 2025

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup telah menyampaikan ucaptama dan amanat kepada warga Kementerian di Majlis Perutusan Hala Tuju KPDN Tahun 2025 pada 20 Januari 2025 bertempat di Dewan Serbaguna KPDN, Putrajaya.

Dalam ucapannya, YB Menteri menegaskan komitmen KPDN untuk terus memperkuuh usaha pada tahun 2025 dengan mengambil iktibar daripada kejayaan yang diraih sepanjang tahun 2024. Langkah ini berujuan memastikan kementerian dapat terus memainkan peranan penting dalam menjaga kebijakan rakyat serta memacu perlumbuhan ekonomi negara.

Dalam Majlis yang sama, YB Menteri turut melancarkan kerjasama strategik antara KPDN dan Petronas dalam pelaksanaan Program Servis Ihsan MADANI @ Petronas Auto Expert yang menawarkan perkhidmatan automotif berkualiti pada harga mampu milik serendah RM99 yang dapat membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat khususnya mereka yang dikategorikan sebagai kelompok golongan yang berpendapatan rendah.





## SOROTAN LENSA SEKITAR MAJLIS PERUTUSAN HALA TUJU KPDN TAHUN 2025



## KPDN LAKSANA TIGA INISIATIF RAKYAT SEMPENA TAHUN BARU CINA 2025

Sempena dengan perayaan Tahun Baru Cina pada 29 Januari 2025, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) telah melaksanakan tiga inisiatif rakyat iaitu Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina, Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) Tahun Baru Cina dan Program Servis Ihsan Madani@Petronas AutoExpert (SIM@PAX).

YB Datuk Armizan Mohd Ali yang telah melancarkan inisiatif ini pada 21 Januari 2025 yang lalu bertempat di Teluk Intan, Perak berharap inisiatif ini memberi manfaat kepada seluruh rakyat serta membantu mereka yang menyambut perayaan ini merancang perbelanjaan dan menikmati pembelian barang keperluan perayaan pada harga yang berpatutan.

Bagi pelaksanaan SHMMP Tahun Baru Cina, Kementerian telah mengenal pasti sebanyak 16 jenis barang yang dikawal harganya berkuatkuasa bermula dari 25 Januari hingga 2 Februari 2025. Tempoh pelaksanaan ialah selama 9 hari iaitu 4 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 4 hari selepas perayaan.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# SKIM HARGA MAKSUMUM MUSIM PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA 2025

25 Januari 2025 hingga 02 Februari 2025



Ikan Bawal Putih



Udang Putih Besar



Bawang Putih (China)



Bawang Kuning Besar



Bawang Merah Besar Import



Sawi Pendek/Sawi Jepun



Kubis Bulat Import



Cili Merah



Lobak Merah



Lobak Putih Import



Ubi Kentang Import



Halia Tua Import



Kepak Ayam  
Dikawal di Sabah, Sarawak dan WP Labuan



Babi Hidup

Harga maksimum  
per noka  
adalah sejaya



Daging Babi

(Perut)



Daging Babi

(Daging dan Lemak)

## KEWAJIPAN PENIAGA

- Tidak menjual melebihi harga maksimum bagi 8 barang harga terkawal
- Meletakkan tanda harga merah jambu bagi barang harga terkawal
- Memastikan bekalan barang mencukupi di pasaran
- Menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentusahkan



Laporkan jika  
ada kesalahan  
peniaga



Imbas senarai  
penuh SHMMP  
Tahun Baharu Cina



KPDN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# Selamat Memperingati Peristiwa **ISRAK MIKRAJ**

27 JANUARI 2025 | 27 REJAB 1446H

Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

(Surah Al-Isra', Ayat 1)

*Ikhlas Daripada*  
Pengurusan Tertinggi  
dan Seluruh Warga Kerja KPDN





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# SELAMAT MENYAMBUT HARI JHAIPUSAM

11 FEBRUARI 2025

*Ithlas Daripada*

Pengurusan Tertinggi  
dan Seluruh Warga Kerja KPDN



f x d o s KPDN

[www.kpdn.gov.my](http://www.kpdn.gov.my)



## MESYUARAT DUA HALA ANTARA MALAYSIA - REPUBLIK TURKIYE

Mesyuarat Dua Hala antara Malaysia dan Republik Turkiye bersempena Lawatan Rasmi Presiden Republik Turkiye, Recep Tayyip Erdogan telah berlangsung pada 11 Februari 2025 bertempat di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya.

Mesyuarat ini membincangkan perkembangan hubungan Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP) Malaysia-Turkiye, khususnya dalam sektor perdagangan dan pelaburan, pertahanan, industri halal, tenaga, pengurusan bencana, kesihatan, sains dan teknologi.

Usai mesyuarat Dua Hala antara Malaysia - Republik Turkiye, turut diadakan pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua negara termasuklah MoU yang melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Perdagangan Republik Turkiye.

MoU ini memberikan tumpuan kepada aspek perlindungan pengguna, kaedah pengurusan aduan dan mekanisme pemantauan pasaran melibatkan harga barang dan perkhidmatan.

KPDN akan memanfaatkan kerjasama ini termasuklah memperkuuhkan lagi hubungan diplomatik yang sedia terjalin antara kedua-dua negara.

Semoga hubungan erat ini akan kekal terjalin dan terus diperkuuh khususnya dalam memajukan keutamaan ekonomi kedua-dua buah negara.





## SOROTAN LENSA SEKITAR MESYUARAT DUA HALA ANTARA MALAYSIA - REPUBLIK TURKIYE





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

INISIATIF KPDN  
KEPENGGUNAAN

# ELAK KENA TIPU IKUTI PANDUAN MEMILIH PAKEJ UMRAH



## LESEN KHAS UMRAH

Pastikan syarikat atau agensi pelancongan berdaftar dan mempunyai Lesen Khas Umrah (LKU).

## LATAR BELAKANG SYARIKAT

Semak latar belakang & rekod pengendalian pakej oleh syarikat.

## HARGA DAN PAKEJ YANG MUNASABAH

Fahami pakej dan harga yang ditawarkan. Usah mudah terpedaya dengan pakej luar biasa murah.

## POLISI PEMBATALAN & PEMULANGAN WANG

Fahami kandungan kontrak terutamanya yang melibatkan ganti rugi pembatalan dan pemulangan wang.



## KAEDAH PEMBAYARAN YANG SAH

Hanya buat pembayaran kepada akaun syarikat agensi pelancongan dan bukan kepada akaun peribadi ejen atau wakil syarikat.

## SIMPAN BUKTI

Simpan dokumen kontrak dan resit atau bukti pembayaran.

Mangsa penipuan atau penyelewengan pakej umrah/haji boleh membuat tuntutan ganti rugi pemulangan wang melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPPM) bagi tuntutan tidak melebihi RM50,000



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

INISIATIF KPDN  
KEPENGUNAAN



# KATAKAN *Tidak* PADA **BARANG TIRUAN!**

Produk tidak tahan lama

Penggunaan material tidak berkualiti

Tiada jaminan kualiti produk

Pembuatan produk tidak kemas dan kasar

Tiada jaminan keselamatan produk

**FAKE**



## JUALAN RAHMAH MADANI MEGA DAN KEMBALI KE SEKOLAH



Program diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) diiringi oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN yang mengadakan sesi lawatan ke reruai Jualan RAHMAH MADANI dan beramah mesra bersama pengunjung yang hadir.

Program Jualan RAHMAH MADANI Mega dan Kembali ke Sekolah yang telah berlangsung selama tiga hari bermula 14-16 Februari 2025 bertempat di Dewan De'Seri Endon Putrajaya mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan oleh penduduk warga Putrajaya dan kawasan sekitar.

Program Jualan RAHMAH MADANI dan Kembali Ke Sekolah (*Back to School*) ini merupakan satu lagi inisiatif di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan kerjasama strategik bersama Jabatan Perdana Menteri (JPM).





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

JUALAN  
**RAHMAH**  
MADANI  
*Rahmah itu Berkat*

# JOM BELANJA BARANG SEKOLAH DI

**PJRM: KEMBALI KE SEKOLAH**

**18 JANUARI 2025 – 16 FEBRUARI 2025**

## BACK TO SCHOOL

**DISCOUNT**  
**10% - 30%**  
*TIADA HAD PEMBELIAN*

Jualan barang keperluan sekolah seperti pakaian lengkap seragam sekolah, pakaian seragam ko-kurikulum dan beruniform serta barang sekolah lain yang melengkapi keperluan adik-adik untuk kembali ke sekolah



Imbas Takwim  
PJRM@Kembali ke  
Sekolah



## TURUN PADANG YB MENTERI PDN SEMPENA PJRM KEMBALI KE SEKOLAH



YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup meluangkan masa turun padang Sempena Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Kembali Ke Sekolah pada 9 Februari 2025 bertempat di Pasar Raya AM, ITCC Penampang, Sabah.

PJRM Kembali Ke Sekolah yang bermula pada 18 Januari 2025 dan berakhir pada 16 Februari 2025 melibatkan 174 pasar raya, pusat beli-belah dan kedai pakaian yang menawarkan diskaun harga antara 10 hingga 30 peratus untuk barang kelengkapan persekolahan seperti pakaian, kasut, beg dan alat tulis dengan 45 hingga 70 Stock Keeping Unit (SKU) tersedia.

Sehingga 8 Februari 2025, 101 siri PJRM Kembali Ke Sekolah telah dilaksanakan daripada 243 siri yang disasarkan di seluruh negara sepanjang tempoh cuti persekolahan pada kali ini.



## LAWATAN YB TIMBALAN MENTERI PDN KE NEGERI SABAH

YB Senator Dr Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengadakan lawatan kerja rasmi di Sabah. Beliau meluangkan masa turun padang bagi melakukan tinjauan ke Hypermarket Survey di Daerah Putatan, Sabah pada 16 Februari 2025.

Beliau memantau harga barang kelengkapan sekolah bersempena dengan Pemantauan OPS Catut 'Back To School 2025' di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 yang telah bermula pada 1 Februari 2025 hingga 16 Februari 2025.


Melengkapkan siri turun padang YB Timbalan Menteri ke Sabah, tinjauan secara dekat ke tempat pemprosesan minyak masak bersubsidi turut diadakan bagi memastikan peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh KPDN dipatuhi.



INISIATIF KPDN  
KOS SARA HIDUPKEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# JOM SEMAK

LOKASI DAN TARikh  
PJRM: KEMBALI KE  
SEKOLAH



Imbas QR atau Layari  
[https://www.kpdn.gov.my/  
index.php/ms/jualan-rahmah](https://www.kpdn.gov.my/index.php/ms/jualan-rahmah)



Klik pada negeri  
atau kolumn pilihan



Rujuk logo ini untuk  
maklumat tarikh & lokasi  
berhampiran anda



Nikmati tawaran diskaun  
barang keperluan sekolah dari  
**10% - 30%**

**JANGAN  
LEPASKAN  
PELUANG  
INI !!**





## LAWATAN KERJA YBHG. DATO' SERI KSU KE KPDN NEGERI PAHANG

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan lawatan kerja ke KPDN Negeri Pahang pada 23 Februari 2025.

YBhg. Dato' Seri KSU telah meluangkan masa meninjau gerak kerja Pejabat KPDN Pahang agar mencapai matlamat misi dan visi Kementerian. Beliau turut mempengerusikan Mesyuarat Perbincangan Gerak kerja KPDN Pahang bagi Tahun 2025.



Sesi lawatan tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN, Puan Jezlily binti Jamaluddin, Pengarah KPDN Negeri Pahang, Tuan Mohd Hafiz bin Ramli, Pegawai Penguatkuasa Negeri Pahang serta Ketua-ketua Cawangan dan pegawai-pegawai dari Kementerian.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENSTABILAN HARGA DI SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah bersidang dan diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 24 Februari 2025 bertempat di Parlimen Malaysia.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

Agenda mesyuarat adalah bertujuan mendengar perbentangan Hasil Laporan Akhir Kajian Penstabilan Harga Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Status Keputusan Mesyuarat Penyelarasan Penguatkuasaan bersama Agensi-Agenzi Penguatkuasaan Negeri Sabah, Sarawak dan WP Labuan dan Laporan Status Bekalan dan Harga serta intervensi Padi dan Beras di Sabah dan Sarawak.



Turut diadakan ialah Sesi Penyerahan Buku Kajian Laporan Penstabilan Harga Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, kepada YB Datuk Ir Shaheimey bin Yahya, wakil pejabat Ketua Menteri Sabah, YB Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, wakil Pejabat Premier Sarawak dan En Ibrahim bin Tambi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbandaran Labuan.



## PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM) PARLIMEN PUTRAJAYA

Program Jualan RAHMAH MADANI Parlimen Putrajaya yang telah berlangsung selama 3 hari bermula 25 sehingga 27 Februari 2025 bertempat di Anjung Seri dan Anjung Kasih, KPDN Putrajaya telah mendapat sambutan yang cukup memberangsangkan oleh warga Putrajaya dan kawasan sekitar.

Pelbagai barang keperluan harian ditawarkan pada harga berpatutan dengan pengurangan harga bermula 10 peratus sehingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran. Antara barang keperluan yang ditawarkan adalah ayam segar, telur ayam, minyak masak, gula, buah-buahan, sabun pencuci baju dan banyak lagi. Tidak ketinggalan, hasil laut juga turut dijual seperti ikan, udang, sotong dan sebagainya dengan harga yang berpatutan.

Program Jualan RAHMAH MADANI ini dianjurkan sebagai persiapan orang ramai menyambut awal Ramadan 1446H.

Turut dilaksanakan adalah Advokasi aplikasi PriceCatcher sempena Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) dimana orang ramai boleh menyemak harga barang keperluan harian secara atas talian bagi membuat perbandingan harga dan juga mengatur perbelanjaan.





## KPDN ANJUR JELAJAH PEMANTAPAN PENGISIAN PORTAL IHSAN MADANI PERINGKAT NEGERI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah melaksanakan Siri Jelajah Pemantapan Pengisian Portal Ihsan MADANI ke Peringkat Negeri. Program dua hari yang bermula pada 27 Februari 2025 dan bertempat di Shah Alam ini adalah untuk menambah baik kandungan inisiatif dan meningkatkan fungsi Portal Ihsan MADANI melalui pendekatan 'whole of nation' dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

Siri Jelajah akan dilaksanakan di 5 peringkat Zon Utama bermula di Zon Tengah, Zon Borneo, Zon Utara, Zon Timur dan Zon Selatan. Untuk Zon Tengah ini melibatkan Kementerian dan Jabatan Persekutuan termasuk Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dan UPEN Perak ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Roziah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri), KPDN dan turut dihadiri oleh YBrs. Encik Mohd Yazid bin Kasim, Pengarah Kanan Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan YBrs. Puan Faraismawati binti Osman, Pengarah NACCOL, KPDN.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

INISIATIF KPDN  
KEPENGGUNAAN



Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia  
(TTPM)

# JENIS TUNTUTAN HAK TEBUS RUGI

► YANG ANDA PERLU TAHU



Situasi 1

## KEROSAKAN BARANG / PERKHIDMATAN BOLEH DIBETULKAN

- Pembaikan
- Penggantian barang
- Pembayaran balik wang
- Pembaikan oleh pihak ketiga



Situasi 2

## KEROSAKAN BARANG / PERKHIDMATAN TIDAK BOLEH DIBETULKAN

- Mengembalikan barang
- Membatalkan kontrak perkhidmatan
- Mendapatkan ganti rugi



Pengguna berhak untuk mendapatkan pampasan/ganti rugi daripada peniaga bagi kerosakan barang yang diterima. Sekiranya gagal, pemfailan tuntutan boleh dilakukan melalui **Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia**.



## NAK TUNTUT GANTI RUGI TAPI TAK BOLEH?



### KETAHUI PUNCA ANDA Hilang HAK GANTI RUGI

- Tuntutan tidak dibuat dalam tempoh waranti/masa/polisi yang ditetapkan
- Barang itu telah dilupuskan oleh pengguna
- Barang itu telah hilang atau musnah semasa dalam pemilikan orang lain selain pembekal
- Kerosakan barang disebabkan oleh kecuaian pengguna sendiri
- Barang itu telah dipasang atau digabungkan dengan barang lain dan ianya tidak dapat dipisahkan tanpa merosakkannya



# KAMI BERTINDAK!



## 1 AKTIVITI PENGUATKUASAAN KPDN PULAU PINANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan Pemeriksaan Ops PHM, ATM, Pemeriksaan Bekalan Barang Keperluan Asas (Ayam, Telur Ayam, Minyak Masak, Gula) di sekitar bandar Permatang Pauh, Bukit Mertajam dan Bayan Lepas pada 25 Februari 2025 yang lalu.

Pemeriksaan ini telah dijalankan dengan kerjasama daripada agensi hasil daripada aduan orang ramai. Seramai 10 orang Pegawai Penguat Kuasa KPDN Negeri Pulau Pinang telah turun padang bagi melaksanakan pemeriksaan tanda harga serta pemeriksaan alat timbang dan sukat melibatkan 40 buah premis.



# KAMI BERTINDAK!



## 2 PEMERIKSAAN TANDA HARGA DAN ALAT TIMBANG SUKAT

Sepasukan anggota Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Kuala Kangsar, Perak telah turun padang bagi menjalankan pemeriksaan tanda harga & pemeriksaan alat timbang, pemeriksaan penentuan Harga maksimum bagi telur ayam, minyak masak di sekitar Taman kenas, Kuala Kangsar, Perak pada 7 Februari 2025 yang lalu.

Hasil pemeriksaan mendapati stok bekalan telur ayam dan minyak masak mencukupi untuk penduduk setempat. Lesen Runcit (CSA) masih dalam tempoh sah serta tiada berlaku unsur menyarok minyak masak.

Peniaga juga adalah diingatkan untuk sentiasa mengamalkan etika perniagaan yang baik. Tindakan tegas akan dikenakan kepada mana-mana peniaga yang gagal mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.





## SOROTAN LENSA






# KPDN





## SOROTAN LENSA





# KPDN





**RETREAT KPDN 2025**

**PERHALUSI  
PROGRAM  
BERIMPAK  
TINGGI UNTUK  
RAKYAT**



TERBITAN:



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI

DAN KOS SARA HIDUP

No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2, 62623  
Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya

f X @  KPDN